



Dari kiri, Syed Anwar; Juan Aranols; Ketua Setiausaha KPDNHEP, Datuk Muez Abdul Aziz; Saifuddin; Ketua Pegawai Eksekutif, Yayasan Food Bank Malaysia, Abdul Wahab Long dan Timbalan Menteri KPDNHEP, Chong Chieng Jen melihat produk yang disumbangkan oleh Nestlé Malaysia.

Program bank makanan dengan kerjasama Nestle

YAYASAN Food Bank Malaysia dan Nestle (Malaysia) Berhad menandatangani memorandum persefahaman (MoU) bagi membekalkan makanan kepada lebih 50,000 keluarga B40 setiap tahun.

Majlis menandatangani MoU antara kedua-dua pihak itu disaksikan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail dan Pengurusi Nestle (Malaysia) Berhad, Tan Sri Syed Anwar Jamalullail.

Matlamat utama kerjasama tersebut adalah untuk membekalkan produk makanan Nestle kepada lebih daripada 50,000 keluarga B40 di seluruh Malaysia.

Saifuddin berkata, program yang dilancarkan sejak Disember 2018 itu membantu mengurangkan kos sara hidup rakyat dan juga menangani masalah pembaziran makanan.

Kerjasama berkenaan membolehkan lebihan produk Nestle yang selamat dan boleh dimakan dikumpulkan dan disalurkan kepada program berkenaan untuk diagihkan kepada isi rumah.

Mereka berpendapatan rendah, golongan miskin tegar, rumah kebajikan dan juga pelajar kurang mampu di institusi pengajian tinggi antara dibantu.

"Sejajar dengan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 Kerajaan, Food Bank Malaysia berusaha untuk meringankan beban kumpulan berpendapatan rendah dan menangani cabaran penting membekalkan sumber makanan secukupnya," ujar beliau.

Hadir sama Ketua Pegawai Eksekutif (Malaysia) Berhad, Juan Aranols.

Hingga kini Food Bank-Malaysia bermanfaat kepada 476,250 isi rumah di Malaysia di bawah garis kemiskinan.